

BM: Aku Sebatang Pen

manusia	gembira	pen
wanita	kilang	dakwat
merah	plastik	Faber Castle.
	almari	

Aku sebatang _____. Nama aku ialah _____. Aku sangat berguna untuk _____.

Aku dan kawan-kawanku dilahirkan di sebuah _____. Nama kilang tersebut ialah Kilang Paneetra yang terletak di Kulim, Kedah.

Aku diperbuat daripada _____ yang berkualiti. Saiz badan aku kurus, kecil dan comel. Badan aku berwarna _____. Aku mempunyai _____ berwarna merah.

Setelah siap dipasang, aku dihantar ke sebuah kedai menjual alat tulis yang terkenal. Pemilik kedai itu mempamerkan aku dan kawan-kawanku di dalam sebuah _____ kaca. Di sana, aku berkenalan dengan ramai kawan seperti Stabilo, Pilot, Parker dan Faster.

Pada suatu hari, aku dibeli oleh seorang _____ yang bernama Linusha. Beliau membeli aku dengan harga RM20. Tuan aku bekerja sebagai seorang guru di SJKT Mak Mandin. Tuan aku selalu menggunakan aku untuk menanda buku murid-murid.

Aku sangat _____ kerana tuan aku menjaga dengan baik setiap hari. Aku berharap dapat berkhidmat kepada tuan selamanya.